

**ABSTRAK**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Falsafah dan Ketamadunan

**KAJIAN SIMBOL HUKUM TAJWID DALAM SURAH AL-FATIHAH DAN AL-BAQARAH MANUSKRIP AL-QURAN TERENGGANU (MQT) IAMM 2012.13.6****ZULKEEFLI BIN AWANG**

2023

**Penyelia Utama : Riswadi bin Azmi, PhD****Pusat Pengajian/Institut : Pusat Pengajian Asas dan Lanjutan (PPAL)**

Manuskrip al-Quran Terengganu merupakan antara manuskrip al-Quran beragam hias indah yang pernah dihasilkan pada abad ke-19 Masihi. Manuskrip ini merupakan bukti keserjanaan masyarakat dan ketinggian kemahiran tempatan di Terengganu. Selain daripada keindahan ragam hias, terdapat simbol tajwid yang ditulis pada hampir setiap teks al-Quran yang disalin. Simbol tajwid yang digunakan tidak menyamai kaedah tajwid pada mashaf sekarang yang lebih cenderung menggunakan warna untuk membezakan setiap hukum tajwid. Kajian ini memfokuskan kepada manuskrip al-Quran Terengganu IAMM 2012.13.6 koleksi Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur. Objektif kajian adalah untuk menjelaskan ciri manuskrip al-Quran Terengganu IAMM2012.13.6, mengenal pasti simbol tajwid yang digunakan dan menganalisis hukum-hukum tajwid berdasarkan simbol yang digunakan. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif ini, kajian berbentuk kualitatif dijalankan menggunakan reka bentuk penjelasan terhadap manuskrip. Data sekunder yang terdiri daripada kajian-kajian lepas dan kontemporari diperoleh melalui kajian dokumen dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati, penulis manuskrip menggunakan simbol-simbol tertentu

untuk mewakili hukum tajwid tertentu, seperti simbol huruf Ta [ ط ] untuk hukum izhar, simbol huruf Ha [ ح ] untuk hukum *ikhfā'* dan simbol huruf Ain Mim [ عم ] untuk hukum *idghām*. Pada surah *al-Baqarah* penulis manuskrip telah menggunakan simbol yang mewakili bacaan pada hukum izhar pada 530 tempat, simbol yang mewakili bacaan pada hukum *ikhfā'* pada 362 tempat dan simbol yang mewakili bacaan pada hukum *idghām* pada 395 tempat. Walaupun terdapat beberapa kesalahan dalam meletakkan simbol atau menggunakan simbol yang salah, jumlah keseluruhan simbol yang digunakan adalah lebih dominan. Oleh itu, kesalahan ini boleh dimaafkan. Hal ini kerana kesalahan dalam meletakkan simbol atau menggunakan simbol yang salah dalam penulisan manuskrip merupakan suatu perkara yang wajar berlaku dalam proses penulisan. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kesilapan manusia, kekangan pada ruang teks, kelemahan dalam teknik penulisan atau ketidaktepatan semasa proses menulis. Oleh itu, kesalahan yang berlaku pada penandaan simbol hukum tajwid tidak memberi kesan atau merosakkan kesucian ayat-ayat suci al-Quran. Kesilapan yang berlaku juga tidak menjejaskan nilai dan keindahan manuskrip tersebut sebagai warisan budaya dan keagungan ilmu pengetahuan.

## ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirements for the degree of Master in Philosophy and Civilisation

### **A STUDY OF TAJWID LAW SYMBOL IN SURAH AL-FATIHAH AND AL-BAQARAH IN THE TERENGGANU QURAN MANUSCRIPT (TQM)**

**IAMM 2012.13.6**

**ZULKEEFLI BIN AWANG**

**2023**

**Main Supervisor : Riswadi bin Azmi, PhD**

**School/Institute : Centre of Fundamental and Continuing Education**

The Terengganu al-Quran manuscript is one of the beautifully decorated al-Quran manuscripts produced in the 19<sup>th</sup> century AD. This manuscript is evidence of community scholarship and the height of local skills in Terengganu. Apart from the beauty of the ornamentation, there is a tajwid symbol written on almost every text of the Quran that is copied. The tajwid symbols used do not match the tajwid method in the current mushaf, which tends to use color to distinguish each tajwid law. This study focuses on the Al-Quran manuscript Terengganu IAMM 2012.13.6, a beautiful collection of the Malaysian Islamic Art Museum, Kuala Lumpur. The objectives of the study are to explain the characteristics of the Terengganu Quran manuscript IAMM2012.13.6, identify the tajwid symbols used and analyze the laws of tajwid based on the symbols used. In order to achieve these three objectives, a qualitative study was conducted using an explanatory design for the manuscript. Secondary data consisting of past and contemporary studies were obtained through document review and then analyzed using content analysis methods. The results of the study found that

the author of the manuscript used certain symbols to represent certain tajwid laws, such as the letter symbol Ta [ ط ] for the law of *izhar*, the letter symbol Ha [ ح ] for the law of *ikhfā'* and the letter symbol Ain Mim [ م ] for *idghām* law. In surah *al-Baqarah*, the manuscript writer has used symbols that represent the reading of the law of *izhar* in 530 places, symbols that represent the reading of the law of *ikhfā'* in 362 places and symbols that represent the reading of the law of *idghām* in 395 places. Although there are some mistakes in placing the symbols or using the wrong symbols, the overall number of symbols used is more dominant. Therefore, this offense can be overseen since mistakes in placing symbols or using the wrong symbols in manuscript writing is a natural thing to happen in the writing process. This is due to several factors such as human error, constraints on text space, weaknesses in writing techniques or inaccuracies during the writing process. Therefore, mistakes that occur in the marking of symbols of tajwid law do not affect or damage the sanctity of the holy verses of the Qur'an. The mistakes that occur also do not affect the value and beauty of the manuscript as a cultural heritage and the majesty of science.